

PM akan bawa pembaharuan

— Hassan Ali

UM - 4 NOV 2003
KUALA LUMPUR 3 Nov. — Pembangkang menyambut baik langkah yang bakal diambil oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam menerajui kepimpinan negara seperti yang digariskan dalam usul terima kasih terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad di Parlimen hari ini.

Ahli Parlimen Parit Buntar, **Datuk Dr. Hassan Ali** berkata, ucapan Perdana Menteri itu membayangkan beliau akan membawa pembaharuan yang tersendiri.

Malah katanya, rasa sebak dan titisan air mata Perdana Menteri ketika menyentuh perkara yang berkaitan tanggungjawab diharapkan akan menjadi gambaran mengenai hala tuju kepimpinan baru itu.

“Biasanya kita sebak dan menitikkan air mata kerana menginsafi sesuatu,” katanya ketika berucap menyokong usul tersebut di Dewan Rakyat di sini.